

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**
[PASIR GUDANG]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tempat **pembuangan sampah haram** di 15 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor termasuk di Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengatasi masalah tempat pembuangan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Menerusi operasi-operasi pembasmian lokasi sampah haram yang telah dijalankan sehingga kini di negeri Johor, sebanyak 35 kertas siasatan telah dibuka dan 14 kes telah selesai dihadapkan ke mahkamah dengan jumlah denda sebanyak RM220,000.00 serta 1 tahun penjara kepada Orang Kena Saman (OKS) yang mengaku bersalah.

3. Antara langkah-langkah bagi mengatasi masalah tempat pembuangan sampah haram di 7 negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) termasuk di 15 kawasan PBT di Johor adalah:

- i. Pemantauan secara berkala oleh anggota penguatkuasa SWCorp di kawasan perkhidmatan serta beberapa lokasi *hot spot* pembuangan sampah haram;
- ii. Membersihkan lokasi sampah haram yang telah dikenal pasti;
- iii. Memasang papan tanda serta *barrier tape* bagi kawasan yang telah dibersihkan dan berpotensi menjadi lokasi pembuangan sampah haram;
- iv. Memantau secara bersepadu antara SWCorp, agensi penguatkuasaan yang berkaitan serta masyarakat setempat dalam memastikan pembuangan sampah haram tidak berlaku;

NO SOALAN : 163

- v. Melaksanakan program libat urus bersama penduduk setempat dan mengedarkan risalah berkaitan kesalahan-kesalahan serta hukuman yang boleh dikenakan di bawah Akta 672;
 - vi. Menjalankan “Operasi Intip dan Cekup” bagi mengenal pasti mereka yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan; dan
 - vii. Melaksanakan tindakan ke atas pelaku kesalahan yang membuang sisa secara haram mengikut Seksyen 71, Akta 672. Jika disabitkan kesalahan, denda boleh dikenakan tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
4. Persekitaran bebas daripada sampah haram merupakan tanggungjawab bersama dan penglibatan orang awam amat diharapkan supaya masyarakat setempat lebih bertanggungjawab dengan tidak membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan. Sebarang aduan berkaitan pembuangan sampah haram boleh dilaporkan kepada SWCorp melalui talian bebas tol Indahkan Malaysia 1-800-88-7472.

Sekian, terima kasih.